

ALIRAN SEMASA: IDEOLOGI BARU YANG MEMPENGARUHI CABARAN DALAM KEHIDUPAN MUSLIM

CONTEMPORARY IDEOLOGICAL MOVEMENT: IMPLICATION AND CHALLENGES FOR MUSLIM LIVING

Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman¹

Nor Asmira Mat Jusoh²

Nurul Izzah Noor Zainan³

Mohd Khairul Anuar Ismail⁴

Nik Muniyati Nik Din⁵

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan(UiTM), Malaysia, (E-mail: nurul659@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan(UiTM), Malaysia, (E-mail: norasmira@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan(UiTM), Malaysia, (E-mail: nurulizzah@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan(UiTM), Malaysia, (E-mail: anuar785@uitm.edu.my)

⁵Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan(UiTM), Malaysia, (E-mail: nikmuniyati@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 15-11-2023

Revised date : 20-11-2023

Accepted date : 23-6-2024

Published date : 30-6-2024

To cite this document:

Awang @ Ab Rahman, N. H., Mat Jusoh, N. A., Noor Zainan, N. I., Ismail, M. K. A., & Nik Din, N. M. (2024). Aliran Semasa: Ideologi Baru Yang Mempengaruhi Cabaran Dalam Kehidupan Muslim Di Malaysia *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (63), 483 – 490.

Abstrak: Dalam era moden ini, umat Islam di rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia, menghadapi pelbagai cabaran aliran-aliran baru yang muncul. Ideologi-ideologi ini mengganggu pemahaman umat Islam dalam menjalani kehidupan bersyariat. Kajian ini menggariskan kompleksiti ideologi seperti modenism, sekularism, liberalism, dan pluralism yang ada pada hari ini. Tidak dinafikan ideologi-ideologi ini membawa cabaran dan perubahan yang negatif dalam kehidupan muslim. Oleh itu, penting untuk mengenalpasti dan menangani cabaran-cabaran ini secara efektif agar ia tidak menimbulkan kesan negatif dalam masyarakat Islam. Kajian ini menerangkan beberapa cabaran ideologi yang dihadapi oleh umat Islam kini serta cadangan penyelesaiannya. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif yang bersifat analisis deskriptif dan menginterpretasi fakta-fakta yang melibatkan konsep ideologi-ideologi baru dan cabaran dalam kehidupan muslim di Malaysia. Kajian perpustakaan dilaksanakan untuk merumuskan kerangka teoritikal kepada idea-idea modenisme, sekularisme, liberalisme dan juga pluralisme. Berdasarkan kepada sumber rujukan yang dipilih, kajian telah memfokuskan kepada cabaran-cabaran serta isu yang timbul di Malaysia yang berkaitan dengan dasar ideologi-ideologi yang dibawa. Hasil kajian ini penting supaya setiap isu yang timbul dapat diteliti dan dikaji, serta dapat mengenalpasti

dasar-dasar yang dibawa oleh fahaman ideologi baru yang timbul ini, agar dapat dibanteras daripada terus disebarluaskan, serta dapat menyediakan penyelesaian bagi membendung fahaman ini dari terus meracuni pemikiran umat Islam.

Kata Kunci: *Modenisme, sekularisme, liberalisme, pluralisme, global,*

Abstract: *Muslims in South Asia especially Malaysia are facing the emergence of new ideologies that interfere the understanding of Muslim's values. This study outlines the complexities of ideologies such as modernism, secularism, liberalism, and pluralism that exist today. It is undeniable that these ideologies bring obstacles and negative changes in Muslim's life. Therefore, in order to prevent these issues from affecting Muslim society, it is important to identify these challenges effectively. This study addressed some of the ideological challenges that Muslims currently face and offered solutions for overcoming the issues. The methodology used in this study is a qualitative approach that is descriptive analysis and interpretation of facts involving new ideological concepts and challenges in Muslim life in Malaysia. The library research was used in order to provide the theoretical foundation for modernism, pluralism, secularism, and liberalism. Based on the selected sources, the study has focused on the challenges and issues arising in Malaysia related to the ideological phenomenon. The finding of this study is important because it helps for the investigation of any new ideologies that may arise. Additionally, we can pinpoint the basis of these ideological conceptions so that they can be disseminated as opposed to constantly spreading, and we can offer a countermeasure to stop these ideas from contaminating Muslims' minds in the future.*

Keywords: *Modenisme, sekularisme, liberalisme, pluralisme, global,*

Pendahuluan

Kemunculan pelbagai ideologi moden pada masa kini menjadi suatu masalah besar yang meragut jati diri umat Islam. Menurut Mohd Aderi & Engku Zarihan (2017), penularan ideolog-ideologi ini merupakan satu ancaman yang sedang menular dalam masyarakat hari ini dan ianya akan menjadi barah jika tidak dibendung. Cabaran modenisme meliputi pelbagai isu antaranya merangkumi pembaharuan pemikiran, budaya, sosial, dan politik dalam Islam untuk menyelaraskan ajaran agama dengan tuntutan dunia moden. Modenisme membawa kepada pembaruan pemikiran dan tafsiran agama yang menimbulkan isu-isu kesetaraan gender, dan mempengaruhi pendidikan, media, serta politik. Pengaruh modenisme dalam masyarakat Muslim tidak bersifat seragam, dan terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan umat Islam. Sekularisme ialah fahaman yang merujuk kepada penafian perkara kerohanian, kewujudan alam akhirat, pemisahan agama dan nilai kerohanian, kuasa kebebasan mutlak dan institusi keagamaan yang hanya berkaitan dengan ketuhanan. Sekularisme sebagai aliran yang berusaha untuk memperbaiki kehidupan dengan cara material, perkara dunia winya tidak diajar oleh wahyu, bebas oleh pemikiran dan pengalaman, tiada kaitan dengan Tuhan, dan kebahagiaan hidup ditentukan oleh dunia (Mohd Yusri, 2018). Penyebaran fahaman sekularisme ini dilaksanakan melalui pelbagai cara iaitu bidang pendidikan, media massa dan undang-undang dengan motif untuk menjauhkan umat Islam dari agamanya. Hak kebebasan bersuara dan beragama adalah salah satu ciri pemikiran yang dikenali sebagai pemikiran liberal. Oleh kerana penafsiran agama bergantung pada perspektif rasional dan kontekstual, pemikiran ini dilihat memberi kesan negatif kepada keharmonian beragama. Aliran Islam Liberal ini, merupakan penjajahan intelektual dan kebudayaan yang secara tidak langsung terjejas oleh pemikiran Barat agama Islam yang asli dengan mencuba untuk mentafsirkan al-Quran dalam

konteks agama menggunakan falsafah mereka sendiri. Manakala Pluralisme agama amatlah berbahaya kerana ianya sebuah serangan ideologi yang menyerang pemikiran umat manusia dalam mengubah pegangan seseorang bahkan ianya membawa kepada kekeliruan terhadap kefahaman beragama dan memanipulasi sifat kepelbagaian beragama. Ideologi-ideologi baru ini merupakan satu ancaman yang sangat bahaya terhadap umat Islam. Oleh itu, semua lapisan masyarakat perlu mengambil cakna untuk membendung ideologi ini terus berleluasa di Malaysia (Ahmad Mujahideen Haji Yusof, 2021).

Sorotan Literatur

Kajian ini membincangkan berkaitan dengan ideologi-ideologi baru yang mempengaruhi kehidupan orang muslim di Malaysia antaranya adalah aliran modenisme, sekularisme, liberalisme dan juga pluralisme.

Modenisme

Modenisme merupakan suatu gerakan yang memberi tumpuan kepada kemodenan dan perubahan yang melibatkan aspek sosial, budaya, politik, dan ekonomi dalam kehidupan manusia(Kamarudin Salleh, 2012). Modenisme muncul sebagai tindak balas kepada tradisionalisme yang kuat dan percubaan untuk membenarkan idea, nilai, dan gaya hidup yang lebih sesuai dengan perkembangan zaman. Aliran modenisme menekankan negara barat sebagai simbol kemajuan terhadap pemikiran moden pada masa kini. Pengaruh ini telah tersebar meluas dari segenap pelusuk dunia termasuk Malaysia (Ahmad Mujahideen Haji Yusof, 2021).

Cabaran modenisme (Mastura Mohd Zain, 2015) dalam aspek kefahaman Agama telah memberi pengaruh yang kompleks terhadap kefahaman agama di kalangan umat Islam dengan berhadapan perubahan sosial dan budaya yang sering bertentangan dengan nilai-nilai agama tradisional. Ini boleh membawa kepada ketidakpastian dan konflik dalam memahami ajaran agama secara benar. Bukan itu sahaja modenisme juga mempengaruhi amalan keagamaan dalam pelbagai cara. Gaya hidup yang sibuk dan tekanan boleh mengganggu penglibatan aktif dalam amalan keagamaan seperti solat, puasa dan zikir. Pengaruh modernisme dalam bidang ekonomi, dapat dilihat dalam peningkatan kualiti serta taraf hidup masyarakat yang membawa perubahan dalam kemunculan pusat industri. Pembangunan dapat didefinisikan sebagai pemodenan atau perubahan dalam gerakan masyarakat pertanian budaya tradisional kepada ekonomi berfokus pada rasionaliti, industri dan perkhidmatan. Secara tidak langsung ini merupakan salah satu sektor yang dapat berfungsi dengan baik dan menjana pendapatan untuk mengekalkan serta meningkatkan taraf hidup. Walau bagaimanapun, modernisme juga memberi kesan negatif kepada sektor ekonomi melalui penampilan tingkah laku pengguna atau budaya pengguna dalam masyarakat.

Sekularisme

Sekularisme berasal dari Latin ‘Saeculum’ yang bermaksud zaman. Kemunculan ideologi ini adalah pada akhir zaman pertengahan (Hänninen, 2002). Mengikut Al Attas, *saeculum* bererti zaman kini atau masa kini manakala proses menjadi sekular pula disebut sebagai sekularisasi iaitu pembebasan manusia dari kongkongan spiritual dan metafizik. Sekularisme merupakan sebuah ideologi yang digeruni oleh ahli agama kerana dasar sekularisme membawa kepada proses penghapusan pegangan agama dan kepercayaan (Faiz Ismail et al., 2012). Ideologi sekularisme bermula daripada idea modenisasi (Arif Hasan, 2007). Sekularisme menjadi prinsip pemodenan bagi barat dan mula diadaptasi oleh negara timur dengan meletakkan spiritual dan kepercayaan agama jauh dari kehidupan norma masyarakat (Luqman Zainal et al., 2020). Ideologi sekularisme memfokuskan pada kehidupan duniawi dan mengasingkan unsur-

unsur agama, seperti materialisme, individualisme, kapitalisme, komunisme, feminism dan isme-isme lain. Sekularisme juga memperjuangkan kebahagiaan dan kebebasan tanpa batas.

Cabaran sekularisme dalam aspek agama dan kepercayaan berlaku dengan menentang hak istimewa agama dan ini merupakan punca tersebarnya ideologi sekularisme di kalangan masyarakat yang ditindas oleh teokrasi. Sekularisme juga melindungi kebebasan beragama dan bersetuju kepada pemisahan agama dan negara seperti mana yang diamalkan di negara-negara sekular yang mengecualikan agama atau tidak mengambil tempat dalam isu sensitiviti agama (Luqman Zainal et al., 2020). Ideologi sekularisme memandang agama dan politik perlu dipisahkan dari masyarakat dengan penjelasan yang lebih jelas, agama perlu dihadkan pada individu dan politik disebarluaskan pada masyarakat. Sekularisme yang akan diterapkan perlu sesuai dengan fahaman agama dan toleransi mereka dan tidak boleh dihadkan dengan rasionalisme semata mata. Sekularisme menyelesaikan isu dan radikalisme di antara agama tanpa mengganggu kuasa dan autoriti agama dan juga tidak menimbulkan pertembungan dengan undang-undang sivil (Arif Hasan, 2007).

Liberalisme

Liberalisme ialah suatu idea serta fahaman yang memperjuangkan kebebasan individu dan kesamarataan individu dalam masyarakat. Ideologi liberal memperjuangkan hidup bertoleransi, bebas, pemurah, terbuka dan berfikiran luas. Liberalisme diperkenalkan untuk mengekalkan kepentingan dan tujuan manusia, yang secara intrinsik menginginkan kebebasan dan kebebasan daripada sebarang kegagalan. Walau bagaimanapun, ia berkembang menjadi gaya hidup dan kepercayaan yang bertentangan dengan agama (Michael Freeden, 2015). Liberalisme merupakan sesuatu yang bebas dan terbuka. Secara mudah untuk memahami konsep ini, aliran ini bersifat cenderung kepada kebebasan dan pemerintahan demokratik. Manakala aliran Islam Liberal pula merujuk kepada aliran yang memiliki ciri keterbukaan dan kebebasan yang lebih daripada apa yang ada dalam syariat Islam.

Cabaran liberalism (Mohammad Ariffin Bin Ismail, 2006) dalam aspek keagamaan, golongan ini sangat berbahaya daripada musuh yang sebenar Islam, ini kerana mereka berasal dari kalangan masyarakat Islam. Golongan Islam liberal ini tidak menolak agama sama sekali tetapi berselindung di sebalik idea penyelidikan agama, tafsiran al-Quran, penilaian syariat, dan hukum fiqh Islam. Pandangan dan fahaman golongan ini telah memesongkan umat Islam dari landasan yang betul. Liberalisme menyokong kebebasan hak-hak asasi LGBT (lesbian, gay, biseksual, transgender) dan mengiktirafkan golongan ini dalam masyarakat. Liberalisme juga memberi peluang kepada kebebasan untuk melakukan apa sahaja yang mereka suka juga menuntut kebebasan untuk beragama dan murtad tanpa perlu terikat dengan undang-undang. Malah golongan ini menggunakan hujah yang rasional dan logik bagi mempertikaikan hukum – hakam dalam Islam termasuklah hukum hudud (Fazilah et.al 2019).

Pluralisme

Pluralisme membawa maksud melibatkan sesuatu benda atau orang dengan kuantiti yang banyak (Prof . Dr. Faisal Ismail , 2014). Manakala "agama" pula berasal dari bahasa Sanskrit yang merupakan gabungan dua suku kata iaitu 'la' yang bermaksud 'tidak', dan 'gama' pula bermaksud 'kacau'. Apabila digabungkan, ianya membawa maksud 'tidak kacau' ataupun boleh juga membawa maksud sebagai 'kebenaran mutlak' (Havis Aravik, 2016). Istilah 'agama' ini amat banyak diperdebatkan dalam kalangan ahli sarjana untuk mencapai persetujuan dalam polemik pemikiran sehingga ianya sukar untuk dipersetujui sebulat suara oleh majoriti ahli intelektual dan sukar disepakati antara satu sama lain. Menurut Hashim Kamali (2011)

menjelaskan makna pluralisme agama sebagai seseorang yang beragama Islam itu mengakui bahawa Islam adalah agama yang benar, namun mereka tidak menafikan bahawa agama lain turut memiliki persamaan yang sama untuk tetap menjaga keunikan budaya masing-masing. Pluralisme juga bermaksud penerimaan agama yang pelbagai, untuk hidup secara bertoleransi pada tatapan masyarakat yang berbeza suku, agama, golongan, adat, sehingga pandangan hidup. Pluralisme beranggapan pada tindakan yang bermula pada pengakuan kebebasan beragama, berfikir, atau kebebasan untuk mencari informasi, bagi mencapai pluralisme diperlukan adanya kematangan dari keperibadian seseorang atau sekelompok orang.

Cabaran pluralisme dalam isu agama telah menimbulkan fenomena baru dalam pemikiran Islam dan ianya mencetuskan pelbagai kontroversi dalam dunia Islam dan antarabangsa serta menggugat akidah umat Islam termasuk isu-isu yang berlaku di Malaysia. Isu-isu dalam pluralisme agama di Malaysia (Earnie Elmie Hilmi, et.al 2022) yang telah disenaraikan oleh para sarjana antaranya ialah isu murtad dan cinta rentas agama, Penubuhan IFC (Interfaith Commission/ Suruhanjaya antara agama), penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam, perkongsian perayaan dan acara keagamaan, isu pengharaman yoga bagi bukan Islam, mengucapkan salam kepada bukan Islam dan enggunaan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis oleh orang bukan Islam dalam ucapan-ucapan politik, kebebasan beragama, isu pertikaian perkara 121 (1A) dan nilai kesamarataan agama. Ini merupakan antara isu-isu pluralisme yang dibimbangi oleh masyarakat Islam di Malaysia yang perlu dibendung supaya gerakan ini tidak merebak dengan lebih meluas.

Strategi Penyelesaian fahaman Ideologi-Ideologi Baru

Kemunculan ideologi-ideologi moden banyak menatijahkan ancaman-ancaman buruk untuk umat Islam. Oleh itu, strategi dakwah dalam membendung masalah ini diperlukan agar dapat diselesaikan. Antara usaha yang perlu dilakukan dalam menyelesaikan fahaman ideologi-ideologi baru ini bolehlah dibuat melalui:

Media massa memainkan peranan dalam pembinaan masyarakat yang dapat memberi impak dalam perubahan gaya hidup dengan menerima maklumat dan perbincangan melalui alam maya (Aminuddin Basir et. Al 2009). Namun dalam masa yang sama penyebaran ideologi-ideologi juga berlaku secara berleluasa di media sosial (Norazleen Mohd Nor et.al 2011). Oleh itu, tindakan dalam menyebarkan dakwah Islam perlu digunakan sebaiknya oleh pendakwah-pendakwah untuk menyampaikan ilmu dan dakwah yang berhikmah melalui media massa dan juga media sosial. Pihak berwajib hendaklah memainkan peranan dengan menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat mengenai keburukan ideologi –ideologi yang muncul pada hari ini, agar masyarakat Islam dapat menghindarinya (Nazirah et. al 2018). Cara ini juga dapat dijadikan satu langkah bagi membendung isu ideologi.

Kerajaan perlu mewujudkan akta atau hukuman kepada masyarakat yang menyebarkan ideologi-ideologi yang bercanggah dengan Islam melalui penulisan, wacana mahupun media. Dari analisis pengkaji (Ibrahim Majdi Mohmad kamil et. al 2022), kesukaran untuk membendung penyebaran ideologi liberalisme di Malaysia antaranya berpunca ketiadaan akta yang ditetapkan, ini berbeza hukuman yang dikenakan kepada kumpulan ajaran sesat. Oleh itu, pihak berwajib perlulah mewujudkan satu hukuman seperti disebat ataupun dipenjara supaya dapat mengurangkan penyebaran ideologi-ideologi yang bercanggah dengan Islam.

Di Malaysia terdapat Akta komunikasi yang di kawal sepenuhnya oleh kerajaan terhadap kebebasan media (Yahya Abdul Rahman, 2017). Pihak kerajaan seharusnya mengawal segala

bentuk hiburan yang boleh melalaikan golongan remaja sehingga boleh merosakan akhlak dan juga akidah (Huzili Hussin et. al, 2017) . Oleh itu, pihak berkuasa perlu mengawasi segala aktiviti yang dijalankan oleh media dan perlu mengekang aktiviti yang boleh merosakkan nilai-nilai murni Islam dengan menukar kepada alternatif yang bermanfaat agar dapat mendidik dan melahirkan umat Islam yang berakhhlak mulia, bertamadun tinggi, berilmu dan membuka minda masyarakat supaya Malaysia menjadi negara yang maju berlandaskan syariat Islam.

Ideologi-ideologi moden yang datang daripada barat tanpa sebarang tapisan boleh membawa implikasi negatif terhadap iman dan ia merupakan satu ancaman yang sangat bahaya kepada akidah umat Islam (Mohd Aizam Bin Mas'od, 2012). Seharusnya Golongan agamawan perlu mengambil serius dan bertanggungjawab dalam menangani cabaran ini dengan menerapkan pelbagai cara dari segala perspektif kehidupan individu dan masyarakat mengikut ajaran Islam yang benar. Semua pihak harus mencapai kata sepakat dan bekerjasama untuk menghapuskan ideologi ini daripada budaya dan pemikiran orang Islam. Persepakatan ini amat penting dalam merangka strategi untuk menangani ancaman gerakan ideologi-ideologi yang dilihat semakin berkembang di kalangan masyarakat Islam di Malaysia hari ini.

Peranan institusi masjid di Malaysia seharusnya diperluaskan dalam menjalankan aktiviti sosial seperti dakwah kepada masyarakat multi etnik (Mariam abd Majid, 2016). Program-program keagamaan bolehlah diadakan seperti ceramah, dialog, forum, dan seminar di masjid ataupun surau sebagai usaha dan strategi berdakwah yang boleh dilaksanakan oleh agensi agama dan ilmuwan masa kini, sama ada di peringkat penempatan desa atau nasional. Pusat-pusat pengajian Islam juga perlu bertanggungjawab mengambil langkah dalam mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat mendekatkan masyarakat dengan agama Islam serta menyebarkan ancaman-ancaman ideologi moden yang mengancam akidah terutama kepada generasi muda. Dengan danya program keagamaan, umat Islam sama ada pelajar, orang awam, muda atau tua serta kanak-kanak dapat didedahkan dengan ilmu pengetahuan tentang agama Islam yang lebih jelas dan tepat.

Pemantapkan Pendidikan Islam di setiap sekolah seluruh Malaysia perlu dilaksanakan agar pelajar-pelajar disediakan dengan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam tentang agama Islam bukan hanya menekankan ilmu akademik sahaja. Menurut Hasbullah Mat Daud (2022), Pendidikan Islam sangat penting dan perlu diutamakan kerana dengan ilmu agama dapat menerapkan nilai akhlak bahkan dapat membentuk pelajar menjadi insan yang berkeperibadian unggul.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kepercayaan terhadap ideologi-ideologi ini menunjukkan bahawa ia bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Ideologi-ideologi baru ini adalah suatu racun yang membunuh umat Islam secara halus tanpa berperang mengangkat senjata. Cabaran yang akan dihadapi oleh umat Islam berlaku secara berterusan sejak daripada zaman Nabi Muhammad SAW sehingga kini. Sebagaimana yang kita tahu, musuh-musuh orang Islam sentiasa mencari peluang untuk menghancurkan dan memecah belah kehidupan orang Islam dalam pelbagai cara terutama pada zaman teknologi yang semakin canggih dan moden ini. Pelbagai ajaran yang dibawa oleh musuh untuk menyesatkan umat Islam. Malangnya, masyarakat Islam hari ini semakin terpengaruh dengan ideologi-ideologi yang diperkenalkan oleh barat. Akidah dan tingkah laku umat Islam kian teruk dan sangat mudah terpengaruh dengan orang asing, dan ini akan menjadikan sikap orang Islam menjadi negatif oleh keadaan ini. Perkara ini boleh berlaku setelah ideologi-ideologi baru ini dianggap betul dengan mengadakan

perdebatan yang dianggap sebagai ilmiah dan sebagai kaedah untuk menyelesaikan isu umat manusia. Untuk menghalang ideologi ini daripada terus merebak, tindakan perlu diambil dengan segera.

Selain itu, untuk memerangi penyebaran ideologi-ideologi ini, kerjasama di kalangan pertubuhan agama, cendekiawan Islam, pemerintah dan agensi berkaitan adalah sangat diperlukan. Untuk menangani isu ini, sistem undang-undang Islam, yang bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah, harus digunakan sebagai asas utama. Oleh itu, untuk membawa pembaharuan dalam masyarakat Islam dan untuk mengkaji semula tradisi dan budaya Islam, para ulama, pemikir Islam dan profesional muslim perlulah bekerjasama untuk membanteras isu ini dengan menggunakan pendekatan yang berkesan.

Rujukan

- Ahmad Mujahideen Haji Yusoff, Muhammad Nasron Yaacob, Noraini Mohd Noor (2017), Konsep Ideologi Moden Dan Sejarahnya: Satu Pengenalan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Volume: 6 Issues: 35, March, 2021, pp. 9 – 16.
- _____, Muhammad Nasron Yaacob, Norhidayah Mohamed Hussin (2021), Keprihatinan Umat Islam Terhadap Ancaman Ideologi Moden: Satu Keperluan. *International Journal of Modern Trends in Social Science (IJMTSS)*. Volume: 4 Issues: 15, March, 2021, pp. 71 – 80.
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa (2009). Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* Bil. 2 (2009) 65-82.
- Arif Hasan, Syamsuddin, (2007) “Kemodernan, Sekularisasi dan Agama”, *Majalah Islamia*, Vol III, Nomor 2.
- Earnie Elmie Hilmi, Mohd Sohimi Esa, Habibah Artini Ramlie, Syamsukl Azizul Marinsah & Saifulazry Mokhtar (2022). Pemahaman dan Penerimaan Golongan Sarjana Islam Mengenai Konsep Pluralisme Agama: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Islamic Social Science and Humanities*. Vol. 27, 2022, pp. 229-239
- Faisal Ismail, (2014). *DinamikaKerukunan antara Umat Beragama* (Bandung: Remaja Rosdakarya), hlm. 17.
- Faiz Ismail, M., Halim Tamuri, A., & Azmi Jasmi, K. (2012). Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Aqidah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjauan Awal. *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education*, 288–300.
- Fazilah Idris, Khadijah Muda dan Khairul Anuar Mastor. (2019). Pembentukan model toleransi beragama belia pelbagai etnik di Malaysia. *Akademika* 89(2): 33-42.
- Hänninen, E. M. (2002). *The Contest Of Indian Secularism*. University of Helsinki.
- Hussin, Huzili and Abdullah, Shuhairimi (2006) *Menangani penetrasi budaya hedonisme di kalangan mahasiswa: satu penyelesaian menurut perspektif islam dan kaunseling*. In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Wan Adli Wan Ramli (2022). *Online Journal of Research in Islamic Studies (RIS)*. Volume: 9 No. 2, December 2022, pp. 61-72.
- Hasbullah Bin Mat Daud, Ahmad Yussuf, Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2022). Pembentukan Akhlak dan sahsiah pelajar melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol: 17. No. 9. 2020, pp 75-89.
- Havis Aravik, Choiriyah. (2016). "Islam dan Pluralisme Agama." *Jurnal Ilmu Syariah, FAI Universitas Ibn Khaldun (UIKA) BOGOR* 4(2): 289.

- Kamarudin Salleh (2012). Transformasi Pemikiran Pembaharuan dan Modernisme di Malaysia: Satu Penelitian Awal. *International Journal of Islamic Thought*. Volume: 2, December, 2012, pp. 23- 37.
- Khalif Muammar A. Harris (2018). Islam dan Liberalisme: Antara Maslahah dan Mafsadah. *Journal Afkar*. Vol. 20 Issues 2 (2018), pp. 1-52.
- Luqman Zainal Abidin, Khadijah, Kamaruddin & Syahiza Arsal,(2020). Sekularisme, Faktor dan Kesan. *International Journal of Muamalat* November 2020, Vol. 4, No. 1, eISSN: 2600-9153. Pp. 162-173.
- Mariam Abd. Majid, Marlon Pontino Guleng (2016).Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia. *Journal Hadhari* vol:8. No.1. 2016, pp. 31-48
- Michael Freeden, (2015). Liberalism: A Very Short Introduction. *Oxford University Press*.
- Mohammad Ariffin Ismail (2016). Cabaran akidah: Pemikiran Islam Liberal. Putrajaya:Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohammad Hashim Kamali (2011). Islam's Religious Pluralism in Context. *Islamic and Civilisational Renewal (ICR) Journal*. Volume: 2, No. 4. July 2011, pp.714-716.
- Mohammed Hashim Kamali. (2011). Citizenship and Accountability of Government: An Islamic Perspective. *Islamic Texts Society* (August 1, 2011) ,
- Mohd Aizam Bin Mas'od (2012), Serangan ideologi barat terhadap pemikiran umat Islam dan implikasinya kepada Iman. *Jurnal penyelidikan Islam*. Volume: 25, 2012, pp. 99-118.
- Mohd Ederi, C. N. & Engku Zarihan, E. A. (2017). Ancaman Hedonisme Terhadap Remaja Islam Di Malaysia. Selangor: *Jurnal Darul Quran JAKIM*.
- Mohd Farid Mohd Shahran (2014). Islam dan pluralisme agama: Isu-isu akidah semasa. Dlm Mohd Farid Mohd Shahran (pnyt). *Pluralisme agama: Satu penelitian Islami*. Hlmn. 43- 73. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohd Nizam Mahshar. 2012. Perselingkuhan Islam Liberal dan Barat: Pasca 911 Pemetaan, Faham dan Strategi dalam Mendepani Arsu Liberal Islam (PUM). Dlm Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Fadlan Mohd Othman. *Islam liberal: Isu dan reaksi*. Hlm 17-34. Selangor: Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mohd Yusri, Ibrahim. (2019). Sekularisme: Faktor, Penyebaran dan langkah mengatasinya dari Sudut Pandangan Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)*. Volume: 2 Issues: 8, Decwmber, 2019, pp. 202 – 216.
- Nazirah Abu Bakar, Muhammad Faisal Ashaari (2018). Pengaruh Kebebasan Media Baharu Terhadap Pengalaman Agama Islam: Satu Tinjauan Literatur. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 (PASAK 3 2018)*. 23-24 April 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Pp. 311- 323.
- Norazleen Mohd Nor, Edwin Michael, Afi Roshezry Abu Bakar, Ira Meilita Ibrahim & Mohd Azmir Mohd Nizah. 2011. *Media Baru Dan Demokrasi Di Malaysia: Ke Arah Perpaduan Nasional*. Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional. Kuala Lumpur. 14-16 Disember 2011.
- Yahya Abdul Rahman.2017. *Impak Kawalan State Terhadap Kebebasan Media Di Malaysia*.*Journal Of Sciences and Humanities. Special Articles* (December, 2017): 004 ISSN: 1823-884x
- Zakaria, D. (2015). Ideologi Moden dan Pemikiran Islam: Satu Perbandingan. *Prosiding Seminar Pemurnian Akidah 2015 Peringkat Negeri Kelantan*.